



Warga UMP bersama peserta bengkel yang juga penduduk Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu, Bukit Kenau kelmarin.

SINAR HARIAN (SENTRAL) 9 MEI 2016 m/s 35

Latih penduduk bemiaga

PEKAN - Kelab Entrepreneur Action Us (Enactus) Universiti Malaysia Pahang (UMP) membentuk kira-kira 20 penduduk Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu, Bukit Kenau, di sini, sebagai usahawan dalam tempoh lima tahun.

Penasihatnya, Datin Dr Mazita Mokhtar berkata, program angkat itu dijadikan platform untuk membantu mereka memperoleh pendapatan sama ada sampingan atau tetap.

Menurutnya, walaupun mereka yang terlibat adalah golongan di bawah bantuan atau kelolaan asnaf Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Negeri Pahang (Muip), pihaknya tampil juga membantu sebagai langkah permulaan mereka menjana pendapatan berterusan melalui projek yang

kami bawakan iaitu penanaman serai untuk dijadikan sabun dan pembuatan kraf tangan daripada jerami.

"Kami anggarkan tempoh lima tahun adalah masa yang panjang untuk mereka benar-benar boleh berjaya menjadi usahawan sama ada dalam kalangan penduduk (usahawan pembuatan) dan juga pelajar (usahawan sosial).

"Mungkin kita nampak masa itu panjang tetapi hakikatnya ia singkat. Dalam tempoh lima tahun membentuk usahawan bukan satu tempoh lama dan mudah kerana ia mengambil masa untuk hasil terbaik.

"Namun begitu, Kelab Enactus bertindak membantu penduduk komuniti untuk memulakannya daripada peringkat

bawah hingga boleh berdikari," katanya kepada pemberita ketika lawatan ke bengkel pembuatan sabun anjuran Kelab Enactus, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, katanya, Kelab Enactus berusaha untuk melatih penduduk menerusi kepakaran dalam industri pembuatan dari semasa ke semasa sementara kerajaan negeri diharap dapat memberi sokongan sekali gus menyuntik bantuan supaya mereka lebih berdaya maju.

"Penduduk dipecahkan kepada dua kumpulan, 10 daripadanya dilatih buat kraf tangan sebagai alat pembungkusan sudah hasilkan ouput, manakala 10 orang lagi penduduk diajar pembuatan sabun yang kini sudah sampai ke peringkat pembuatan," katanya.